

Dengar, sebut dan tulis.

Hemah Tinggi

Selamat pagi, murid-murid. Kita mestilah berhemah tinggi setiap hari. Kita hendaklah **mengucapkan selamat sejahtera apabila berjumpa dengan guru**. Jika kita menelefon kawan, kita perlulah **bertanya khabar tentang kawan**. Apabila kita melawat kawan yang sakit di hospital, kita perlulah **berdoa semoga kawan cepat sembuh**. Seterusnya, kita wajar meminta maaf jika kita melakukan kesalahan dengan sesiapa sahaja.

Akhir sekali, kita haruslah **berterima kasih apabila menerima sesuatu** daripada orang lain. Murid-murid, nyatakan sikap hemah tinggi yang perlu kita lakukan setiap hari.



Baiklah, cikgu. Kita hendaklah **mengucapkan selamat sejahtera apabila berjumpa dengan guru**, bertanya tentang khabar _____

